

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KEBERSIHAN MAKANAN (PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [Akta 281], Menteri membuat peraturan-peraturan berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan (Pindaan) 2010**.

Pindaan peraturan 5

2. Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 [P.U. (A) 95/2009], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 5—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memotong perkataan "(1)"; dan
- (b) memotong subperaturan (2).

Pindaan peraturan 38

3. Perenggan 38(3)(b) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan "between" dengan perkataan "at or below the"; dan
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "suhu atau di bawah suhu 18°C" dengan perkataan "atau di bawah suhu minus 18°C".

Pindaan peraturan 58

4. Peraturan 58 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memotong perkataan “ditetapkan sebagai kesalahan yang” selepas perkataan “ini”.

Pindaan Jadual Kedua

5. Jadual Kedua Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan “Jumlah Bayaran: RM30.00”.

Pindaan Jadual Keempat

6. Jadual Keempat Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
(a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “FORTH” dengan perkataan “FOURTH”; dan
(b) dengan memasukkan selepas butiran 6 butiran yang berikut:

“6A. Peraturan 30	Tidak mematuhi kehendak yang berhubung dengan latihan pengendali makanan”.
-------------------	--

Dibuat 14 Jun 2010

[KKM.-163/S/17; PN(PU²)418/XV]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Menteri Kesihatan